



**NOTIS  
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PEMAKLUMAN  
MENGENAI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)  
SEMESTER PERTAMA SESI 2021/2022**

Pihak UUM amat memandang berat berkaitan dengan kebijakan dan keselamatan semua pihak dalam membuat sebarang keputusan. Dalam situasi semasa dengan jumlah jangkitan covid-19 yang semakin tinggi, pihak UUM telah mengadakan perbincangan serta mengambil pertimbangan dan pandangan daripada pelbagai pihak terutamanya dalam urusan pengendalian pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Semester Pertama Sesi 2021/2022 (A211).

Berdasarkan kepada perbincangan tersebut dengan mengambil kira Pelan Pemulihan Negara (PPN) fasa 1, UUM telah bersetuju supaya pengendalian pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Semester Pertama Sesi 2021/2022 (A211) akan dilaksanakan secara dalam talian (*online*) atau *remote* sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar yang berkeperluan serta memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) boleh memohon untuk kembali ke kampus bagi mengikuti PdP secara dalam talian atau *remote* di UUM. Maklumat berkaitan kemasukan pelajar berkeperluan ke kampus akan dimaklumkan kepada pelajar oleh pihak Jabatan HEP dalam masa yang terdekat.

Jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA) akan mengeluarkan hebahan dari semasa ke semasa melalui media rasmi (emel, Facebook dan laman web HEA) untuk rujukan dan tindakan semua pelajar. Hebahan ini adalah tertakluk kepada sebarang perubahan arahan dan pekeliling terkini yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan Universiti dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Utara Malaysia  
4 Ogos 2021